



12 SEP, 2024

MAHA 2024: 13 MoU RM21 juta dimeterai

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

MAHA 2024: 13 MoU RM21 juta dimeterai

Oleh ARIF AIMAN ASROL
airman.asrol@mediamulia.com.my

SERDANG: Hari pertama Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 semalam menyaksikan 13 memorandum persefahaman (MoU) dengan jumlah lebih RM21 juta dimeterai.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, kebanyaknya MoU yang dimeterai banyak membabitkan industri nanas.

Menurut beliau, industri nanas kini antara fokus kementeriannya.

"Kita nampak industri nanas boleh menjadi satu sumber kekayaan baharu untuk Malaysia

kerana negara kita mempunyai potensi besar dalam industri tersebut.

"Ini baru hari pertama. Saya yakin berbaki sembilan hari lagi, mudah-mudahan kita dapat menandatangani dan menarik lebih ramai pelabur serta pembeli ke atas hasil barang pertanian dan agromakanan negara kita," katanya di Dewan B, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini semalam.

Arthur Joseph hadir bagi merasmikan dan menyaksikan pemerlarian MoU sempena MAHA 2024.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Pensiangan itu berkata, beliau yakin lebih banyak MoU dimeterai lagi berdasarkan sektor dan subsektor pertanian lain.

Jelasnya, MAHA Go Global


yang pertama kali diadakan di yakini dapat menarik lebih ramai pelabur daripada pasaran antarabangsa.

"MAHA Go Global mempunyai 180 pemamer untuk menawarkan kepada pasaran antarabangsa iaitu dari segi produk-produk pertanian dan agromakanan Malaysia.

"Jadi, saya harap pelabur dan pembeli khususnya daripada pasaran antarabangsa untuk datang ke MAHA 2024," katanya.

Sementara itu, beliau memeritahu, sambutan orang ramai pada hari pertama MAHA 2024 amat menggalakkan.

"Saya yakin jumlah pengunjung MAHA 2024 akan terus meningkat dari hari ke hari," ujarnya.



DRON bersaiz besar yang digunakan untuk meracun tanaman dipamerkan sempena MAHA 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini semalam.



12 SEP, 2024

MAHA 2024:13 MoU RM21 juta dimeterai

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SERDANG: Hari pertama Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 semalam menyaksikan 13 memorandum persefahaman (MoU) dengan jumlah lebih RM21 juta dimeterai. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, kebanyakan MoU yang dimeterai banyak membabitkan industri nanas. Menurut beliau, industri nanas kini antara fokus kementeriannya. "Kita nampak industri nanas boleh menjadi satu sumber kekayaan baharu untuk Malaysia

kerana negara kita mempunyai potensi besar dalam industri tersebut. "Ini baru hari pertama.